

BAB 5

RUMUSAN

Peranan Johor dalam memertabatkan peradaban Melayu bermula selepas kerajaan Johor-Riau terbentuk selepas kejatuhan kerajaan Melaka 1511.¹ Kesultanan Melayu Johor telah berperanan dalam membangunkan kerajaan Johor dan wilayahnya sehingga menjadi sebuah kerajaan yang penting pada abad ke-16 sehingga abad ke-19. Keturunan dari kesultanan Melakalah yang menjadi pengasas kepada kerajaan Johor-Riau yang menjadi simbol peradaban bangsa Melayu pada waktu itu.

Kerajaan Johor terbentuk apabila Sultan Mahmud Syah² dan puteranya Raja Ahmad mendirikan kerajaan baru. Namun pada hayat Sultan Mahmud segala usahanya untuk melihat sebuah kerajaan baru yang teguh tidak kesampaian sehingga baginda mangkat pada tahun 1528 di Kampar. Puteranya iaitu Raja Ali mengambilalih takhta dengan memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah II pada tahun 1528, baginda berjaya mendirikan kerajaan Johor. Pada awalnya kerajaan Johor menghadapi banyak tekanan dari kuasa Portugis dan Aceh.

Secara umumnya terdapat beberapa peringkat yang mewarnai politik Johor. Bermula tahun 1528 sehinggalah tahun 1699 sultan yang memerintah Johor adalah

¹ Abdul Aziz Zakaria, 1963. *Portugis Dalam Sejarah Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 15.

² A. Samad Ahmad (ed.), 1996. *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 270. Mohd Yusof Md. Nor (ed.), 1969. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 28.

warisan dari kesultanan Melayu Melaka. Sultan Mahmud Shah II, yang mangkat pada 1699 merupakan sultan terakhir warisan dari kesultanan Melaka.³ Bermula dari sinilah dinasti Bendahara pula terbentuk apabila baginda sultan tidak mempunyai zuriat. Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Jalil telah dipilih dan ditabalkan menjadi Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah (1699-1718).

Kehadiran Raja Kecil dari Siak pada tahun 1718, dilihat sebagai menjadi titik tolak kemasukan pengaruh Bugis dalam kerajaan Johor. Putera Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah IV, Raja Sulaiman bertanggungjawab membawa masuk pengaruh Bugis ke dalam Johor. Kewujudan jawatan baru Yang Di Pertuan Muda (YDPM) telah membawa perubahan besar kepada kuasa sultan mahupun pembesar negeri. Jawatan YDPM hanya diwarisi oleh suku Bugis sahaja. Selepas tahun 1784, pengaruh Bugis dalam kerajaan Johor makin menurun apabila kuasa Belanda meresap masuk dalam kerajaan Johor. Kemangkatan Raja Haji di Teluk Ketapang 1784 telah melemahkan lagi domonasi Bugis dalam kerajaan Johor.

Kerajaan Johor pada zaman kegemilangannya mencakupi satu kawasan yang cukup luas. Pada tahun 1641 wilayah kerajaan Johor mencakupi daripada Sungai Kelang, Sungai Penagie (Kuala Linggi), Sungai Siak, Sungai Kampar, Bengalis, Ungaran, Pulau-pulau Karimun, Bulang, Bintan, Lingga dan pulau sekelilingnya, pulau Singapura, Batu

³ Lihat R.O. Winstedt, 1932. "A History of Johor 1365-1895" *JMBRAS*, Jil. 9, Bhg. 3, hlm. 50. Buyong Adil, 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 73. Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. 1991. hlm. 17. Abdullah Zakaria Ghazali, "Sultan Keturunan Melaka di Pahang dan Johor", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 7, 1982. hlm. 58-59.

Pahat, dan Muar.⁴ Pada waktu inilah Johor berjaya mengasimilasi budaya-budaya tempatan wilayah-wilayahnya menjadi peradaban Melayu Nasional Johor. Kemakmuran dan keutuhan Johor ini berlangsung untuk beberapa abad sehinggalah awal abad ke-19. Keteguhan politik, kestabilan ekonomi yang mampan dan keamanan memberi kelebihan untuk Johor membangunkan sebagai sebuah pusat tamadun Melayu yang unggul.

Dari perspektif ekonomi dan perdagangan pula, Johor-Riau begitu menonjol dengan kepesatan sektor perdagangan serantau dan antarabangsa. Pelabuhan-pelabuhan di Johor dan Riau menjadi pusat aktiviti ekonomi maritim dan perdagangan rempah. Hasil bumi terutama rempah dan hasil hutan dari kawasan naungannya dikumpul di pelabuhan Johor. Begitu juga hasil timah dari Perak dan Selangor turut dipasarkan di Johor. Keadaan ini menjadikan Johor begitu aktif sebagai pusat perdagangan hasil bumi tempatan. Bagi mengukuhkan statusnya sebagai pusat ekonomi serantau, hubungan dengan kuasa barat terutama Belanda dan British telah dibuat.⁵

Para pedagang berminat berlabuh di Johor kerana kemampuan Johor dalam menyediakan peluang infrastruktur dan pasaran yang proaktif bagi barang-barang tempatan mahupun luar. Malah ada berpendapat bahawa kerajaan Johor telah berjaya menyediakan infrastruktur sama seperti zaman Melaka. Pada waktu itu Johor pula menjadi kebanggaan bangsa Melayu sebagai bangsa berdaya maju dan berperadaban tinggi.

⁴ Leonard Y. Andaya, 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Shamsuddin Jaafar (Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 49.

⁵ *Ibid.*, hlm. 43-44.

Penggunaan matawang yang tetap telah membuka ruang kepada pengendalian sistem kewangan yang sistematik dan tersusun. Matawang Johor seperti “Mas” dan “Kupang” telah digunakan dalam pasaran modal Johor. Ini bertujuan untuk memudahkan urusan niaga dengan pedagang tempatan mahupun asing. Selain itu, Johor juga turut membuka pasaran modalnya kepada matawang asing yang telah diselaraskan nilainya dengan matawang tempatan. Ini memberikan satu keyakinan kepada pedagang luar untuk membuat urusan import dan eksport secara berkesan. Selain daripada pedagang China yang merupakan pedagang terbesar, pedagang-pedagang dari Benua India, Pegu dan Arab turut berkunjung ke Johor dengan pelaburan modal yang besar di negeri yang aman dan makmur.⁶

Pedagang lebih yakin dengan Johor apabila berjaya meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa interaksi dalam urusan pentadbiran negara mahupun dalam urusan perdagangan. Ini menjadikan dominasi bahasa Melayu sebagai *lingua franca* tetap kekal sejak dari zaman Melaka lagi. Orang Eropah mahupun orang Asia telah mengiktiraf bahasa Melayu Johor-Riau sebagai bahasa perantara antarabangsa mereka ketika berurusan di Johor. Mereka sanggup belajar bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertuturan di Johor-Riau. Apabila memperkatakan bahasa Melayu di Nusantara, pengaruh Johor-Riau dalam memartabatkan bahasa Melayu amat jelas.⁷ Sejak awal abad ke-16 bahasa Melayu Johor-Riau berkembang pesat sebagai bahasa perantara dan bahasa diplomat di kalangan suku bangsa di Nusantara. Pedagang tempatan dari Sulawesi, Jawa,

⁶ *Pengamatan Melalui Lukisan & Diorama Melaka*. Perbadanan Muzium Melaka, 1989, hlm, 25.

⁷ Hamidy, 1988. *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu*. Pekan Baru: Penerbit Bumi Pustaka, hlm. 53.

Sumatera, Maluku dan Ternate yang mempunyai bahasa daerah sendiri turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi serantau. Belanda di Indonesia turut menggunakan Bahasa Melayu Johor-Riau dalam urusan resmi, perdagangan, komunikasi dan diplomatik. Lebih mengagumkan lagi, kedudukan bahasa Melayu tidak pernah tergugat oleh dominasi politik dan budaya bangsa asing seperti Belanda, Inggeris dan Portugis.⁸

Ketinggian peradaban Melayu Johor juga terserlah apabila kegiatan intelektual seperti penulisan karya-karya sejarah dan undang-undang dihasilkan. Antara karya-karya itu ialah *Sejarah Melayu*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Melayu dan Bugis* dan banyak lagi. Karya seperti ini bukan sahaja mencatatkan peristiwa sejarah tempatan tetapi juga sosio-budaya dan peradaban Melayu ketika itu. Ini menandakan bahawa telah wujud satu golongan cendekiawan dan golongan keilmuan tempatan yang cintakan ilmu pengetahuan. Mereka telah sedar betapa pentingnya merekod dan mencatat peristiwa penting negara sebagai bukti bertulis. Hasil tulisan merekalah menjadi bahan kajian untuk menilai sejauh manakah prestasi peradaban Melayu pada ketika itu.

Kerajaan Johor juga telah meninggalkan warisan seni budaya yang unik dan menarik. Budaya ini bukan sahaja dari orang Melayu tetapi juga dari kebudayaan luar yang diadaptasi ke dalam budaya tempatan. Salah satu kesenian rakyat yang masih kekal

⁸ Lihat tulisan Hamid Abdullah, 1984. "Melaka sebagai Lambang Keagungan Nusantara: Pandangan Dari Luar Tanah Melayu", dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.). *Sejarah di Selat Melaka*. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Melaka, hlm. 5-6.

hingga hari ini ialah Zapin Johor. Pegiat seni Johor-Riau telah mengubah dan menambah bahagian tertentu, tetapi maksud dan ciri-ciri asal zapin itu masih kekal bagi memenuhi citarasa pendengar semasa. Keunikan zapin Melayu terletak pada kesatuan muzik dan peralatannya yang dipengaruhi oleh kesenian orang Arab. Keupayaan budaya tempatan menyerap budaya luar menunjukkan bahawa kebudayaan Johor-Riau pada waktu itu amat tinggi. Peradaban Melayu waktu itu tidak berubah walaupun berlaku interaksi budaya dan peradaban dari luar.

Selain itu, peranan Ghazal juga tidak dapat diketepikan. Ghazal juga merupakan kesenian yang dikatakan bermula sejak dari kerajaan Johor-Riau. Motif nyanyian ghazal berkisar kepada soal kehidupan yang berkaitan kebahagiaan dan keceriaan masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai dakwah apabila pengarang cuba menyelitkan unsur-unsur kerohanian dan ketuhanan termasuk ilmu tasauf ke dalam ghazal. Mengikut kajian oleh para sarjana mendapati, seni muzik ghazal bertapak di Johor adalah hasil ilham wayang bangsawan Parsi. Wayang bangsawan Parsi ini telah berkembang di Johor sejak akhir abad ke-19.⁹

Justeru itu, jelaslah kepada kita bahawa sumbangan peradaban Johor-Riau kepada tamadun Melayu rantau ini amat penting. Kerajaan Johor-Riau telah berjaya bangkit dalam zaman imperialisme kuasa barat memuncak di Selat Melaka. Kerajaan Johor cuba memartabatkan bangsa Melayu sebagai bangsa bertamadun tinggi seperti zaman

⁹ Mohd Zamri Sabran, 1995. 'Nilai Estetika Dalam Ghazal Dan Kepelangan' dalam Shaidun Haji Shaari & Inzura Haji Kosnin (penyelenggara). *Warisan Budaya Utara Selatan*. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, hlm. 181.

sebelumnya. Bangsa Melayu sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan Johor selaku sebuah kerajaan yang cuba melestarikan inspirasi bangsa Melayu sebagai bangsa berperadaban tinggi setanding dengan bangsa lain. Apa yang lebih menarik apabila Johor berjaya menjadi pusat kepada tamadun Melayu rantau ini ketika kerajaan lain sedang menuju kepada kehancuran ekoran dasar imprealisme barat. Johor yang terpaksa bersaing dengan kuasa Barat terutama Belanda dan British dalam menegakkan dan meneruskan satu kerajaan yang berdaulat dan makmur. Walau bagaimanapun, ukiran sejarah yang dilakarkan oleh kerajaan Johor-Riau tetap menjadi ingatan dan tinggalan sejarah yang cukup berharga untuk bangsa Melayu dalam menentukan hala tuju peradaban Melayu kontemporari.